



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM MINGGU  
KENANGAN P. RAMLEE: “AKU, DIA DAN LAGU”**

**12 MEI 2024 (AHAD)  
10.00 PAGI**

**LEBUH PANTAI, GEORGETOWN, PULAU PINANG**

Selamat Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam MALAYSIA MADANI.

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

**\*Disediakan secara berasingan**

Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Bersama-sama lah kita memanjatkan rasa syukur kerana dapat berkumpul dalam Majlis Perasmian Penutupan Program Minggu Kenangan P. Ramlee: "Aku, Dia dan Lagu" pada pagi yang berbahagia ini.

Lebat rendang, pohon rambutan;

Ranum merah, manis bersari;

Selamat datang para jemputan;

Bertambah meriah majlis berseri.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Arkib Negara Malaysia selaku agensi peneraju kepada Program Minggu Kenangan P. Ramlee: "Aku, Dia dan Lagu" ini. Saya

dimaklumkan bahawa program ini adalah kolaborasi strategik di antara Arkib Negara Malaysia dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang; Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang; Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang; Pengurusan Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas, Seberang Perai Utara; dan OFRA Ventures. Diharapkan kolaborasi strategik ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan.

3. Penganjuran Program Minggu Kenangan P. Ramlee ini amat besar maknanya dalam usaha kita memartabatkan ketokohan serta sumbangan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dalam bidang seni dan budaya. Tan Sri P. Ramlee telah kembali kepada sang pencipta pada 29 Mei 1973 akibat serangan jantung. Meskipun telah 51 tahun pemergian beliau, legasi yang ditinggalkan tidak pernah pudar, malah terus mekar dan kekal dalam ingatan kita semua.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

## **PROGRAM MINGGU KENANGAN P. RAMLEE DAN PERANAN KEMENTERIAN**

4. Saya difahamkan pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang Program Minggu Kenangan P. Ramlee: "Aku, Dia dan Lagu" berlangsung bermula 7 Mei yang lalu. Buat julung kalinya program berkaitan tokoh negarawan ini dibuat pada skala besar di negeri kelahirannya sendiri iaitu Pulau Pinang. Antara aktiviti yang telah dijayakan adalah Lawatan Berpandu ke Galeri dan Rumah Kelahiran P. Ramlee, Seminar Pemikiran P. Ramlee: "Sepanjang Riwayatku", Majlis

Apresiasi P. Ramlee: "Malam Bulan Di Pagar Bintang", Festival P. Ramlee: "Tanya Sama Hati", Ceramah Perdana: "Berkorban Apa Saja", dan Larian dan Kayuhan "Uda Dan Dara" atau *P. Ramlee The Legend Run and Ride*.

5. Kementerian Perpaduan Negara bertanggungjawab memacu dan meneraju agenda perpaduan negara yang bersifat inklusif demi kemakmuran bersama dalam kalangan rakyat. Agenda ini sentiasa diterapkan melalui program-program yang dianjurkan oleh Kementerian dan agensi di bawahnya dengan hasrat membina, memperkuuh dan mengekalkan perpaduan negara dalam melahirkan Masyarakat Madani sebagaimana dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.
6. Ini merupakan tanggungjawab besar yang perlu dipikul bersama. Ia memerlukan penglibatan jitu daripada semua pihak bermula dengan agensi kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan malah setiap rakyat Malaysia bagi membolehkan keamanan dan keharmonian negara kekal terpelihara. Dalam hal ini, Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyokong penganjuran program-program sebegini yang mengenangkan peranan Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dalam usahanya memartabatkan dunia seni tanah air melalui karyanya yang telah terbukti bersifat malar segar dan membawa mesej perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

### **P. RAMLEE IKON PERPADUAN**

7. Tan Sri P. Ramlee adalah suatu nama besar yang tidak perlu diperkenalkan lagi. Beliau merupakan seorang penyanyi, pelakon, pengarah, pemuzik, dan penulis lagu yang bukan sahaja dikenali di tanah air malah kemasyhurannya meluas hingga ke rantau Asia termasuk Brunei, Singapura, Indonesia, Hong Kong, dan Jepun. Sepanjang penglibatannya dalam arena seni, beliau telah mendapat pelbagai pengiktirafan dan anugerah dari dalam dan luar negara.
8. Seni yang tiada sempadan membolehkannya menjadi antara komponen perpaduan yang sangat bernilai. Semangat perpaduan boleh diterapkan dan disuburkan melalui karya seni sebagaimana dihasilkan oleh Tan Sri P. Ramlee. Filem-filem yang dihasilkan mampu menjadi medium untuk memperkuuh perpaduan antara kaum. Beliau menggabungkan unsur-unsur pelbagai kaum dalam penceritaan yang mampu menyentuh hati penonton melalui lontaran dialog-dialog yang sarat dengan nilai kemasyarakatan.
9. Terlalu banyak nilai positif yang boleh diambil dari setiap babak filem yang dipertontonkan kepada kita. P. Ramlee mendidik masyarakat tidak kira bangsa mahupun status sosial melalui karya-karyanya sama ada dalam bentuk lagu mahupun filem. Kritikan sosial yang diselitkan

membawa maksud yang sangat baik untuk diaplikasi dalam kehidupan seharian kita khususnya untuk masyarakat majmuk di Malaysia.

10. Selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan MASYARAKAT MADANI yang bersatu padu dan saling menghormati tidak kira bangsa, budaya dan agama, P. Ramlee telah meninggalkan kepada kita khazanah hasil usaha dan buah fikirannya yang tidak ternilai. Mesej-mesej keharmonian, bersatu-padu, bekerjasama, saling menghormati tanpa mengira kaum dan agama digarap dengan baik dan ditonjolkan dengan penuh hemah serta bijaksana dalam karya-karya beliau yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Hadirin yang dihormati sekalian.

11. Sumbangan Tan Sri P. Ramlee dalam menyuntik semangat patriotisme dan perpaduan dalam penghasilan karya-karyanya memang tidak dapat disangkal. Biarpun tidak mempunyai pencapaian akademik yang tinggi, P. Ramlee adalah seorang yang genius dalam bidang yang diceburinya. Daya pengamatannya yang tajam terhadap masyarakat dan pemikirannya yang kreatif membolehkan P. Ramlee menghasilkan karya-karya bernilai tinggi yang dekat di hati penonton. Setiap babak yang ditonjolkan dalam karyanya melampaui zaman dan masih kekal relevan sehingga ke hari ini.
12. Atas dasar ini, amatlah wajar jika Tan Sri P. Ramlee diangkat sebagai ikon perpaduan. Karya-karya beliau boleh menjadi wadah penyatuan dan perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri

daripada pelbagai bangsa. Nilai yang ditonjolkan dalam karyanya sesuai untuk menjadi tauladan kepada semua kaum dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni.

Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

## **PENUTUP**

13. Kolaborasi dan kerjasama dalam melaksanakan program sebegini juga amat penting dalam usaha memelihara khazanah warisan negara. Saya menyeru agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan mahupun syarikat-syarikat korporat yang lain untuk turut serta membentuk kerjasama sebegini. Kementerian Perpaduan Negara akan menyokong dan membantu menjayakan usaha sama sebegini demi kepentingan masyarakat dan negara.
14. Saya menyambut baik usaha Arkib Negara dalam menganjurkan program seumpama ini sebagai salah satu cara untuk menyebarluaskan maklumat serta mengukuhkan persefahaman dari segi pandangan masyarakat dalam konteks perpaduan melalui mesej-mesej yang disampaikan dalam karya-karya Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Semoga dengan usaha ini, kesepaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia MADANI dapat dikekalkan. Ini selaras dengan matlamat yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara iaitu dapat membentuk identiti nasional dengan semangat jati

diri, patriotik, prihatin, toleransi saling menghormati dan bertanggungjawab.

15. Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih serta syabas kepada Arkib Negara Malaysia dan rakan-rakan strategiknya kerana menjayakan program seumpama ini. Tidak lupa juga kepada jawatankuasa pengajur, para media dan semua pihak yang terlibat dalam menyokong, memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program pada pagi ini. Semoga ingatan kita terus subur dalam mengenang sumbangan dan jasa bakti Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Dengan itu, **saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan program Minggu Kenangan P. Ramlee: “Aku, Dia dan Lagu”.**

Sekian, Terima kasih.